

Orang-orang Muslim di India yang dipinggirkan secara ekonomi



Di tengah-tengah daerah Gujarat India barat, terletak bandar yang ketujuh besar di India iaitu Ahmedabad yang mempunyai lebih dari lima juta

penduduk. Dahulunya, bandar ini terkenal dengan kelahiran Gandhi dan komitmennya kepada pasifisme dan toleransi. Gujarat kini membangun menjadi sebuah pusat yang penting bagi semangat agama Hindu yang dikenali sebagai “Hindutva” yang cuba untuk mengekalkan dan memperkembangkan pengaruh Hindu di seluruh India sehinggalah menghalang agama Islam dan keKristianan.

Sebuah kota yang terbahagi: Ahmedabad jelas menggambarkan kepelbagaian budaya yang meluas seperti sungai Sabarmati yang

memisahkan Ahmedabad kepada dua dunia yang berbeza. Di bahagian barat sungai adalah sebuah kota yang bertambah mewah, moden dan kebanyakannya adalah Hindu. Golongan elit Hindu di India ini adalah di kawasan perdagangan dan pusat membeli-belah. Ke arah timur adalah kota yang kuno, huru-hara dan dikelilingi tembok, berlorong sempit dan berbelok-belok, kejiranan yang terbatas yang didiami lazimnya oleh orang Muslim dan menggambarkan kelslaman Ahmedabad yang silam.



Lebih dari sejuta orang Muslim yang tinggal di kota itu dipinggirkan secara ekonomi. Ramai yang tidak dapat mencari pekerjaan atau menganggur dan tidak dapat kembali ke kampung mereka, dan hidup di dalam keadaan yang terpaksa. Mereka hidup di kawasan perumahan yang sesak dan bahkan golongan elit Muslim yang maju juga kini merasai pengasingan dan perbezaan ekonomi dengan orang-orang Hindu. Penderitaan manusia yang sangat mendalam ini tidak mempunyai penyelesaian yang mudah.

Memperkenalkan

Yesus: Sebagai seorang yang percaya kepada Yesus, kita tahu bahawa keperluan yang utama bagi orang Muslim adalah Kristus. Akan tetapi hanya sebahagian kecil penginjilan di Gujarat menumpukan usaha mereka kepada orang-orang Muslim yang belum dijangkau di Ahmedabad termasuklah: Shaikh, Bohra, Memon, Khoja, Pathan dan Sayyid. Kebanyakan pengikut tempatan yang mempercayai Yesus secara terbuka mengakui ketakutan mereka untuk menjangkau komuniti Muslim. Bayangkan lebih

sejuta orang di Ahmedabad yang tidak mempunyai orang yang menyampaikan Injil kepada mereka. Berdoalah untuk pekerja-pekerja yang akan membawa injil yang berpengharapan kepada orang-orang Muslim di Gujarat.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Berdoalah supaya orang-orang Muslim akan menyedari ketidakmampuan mereka untuk mencapai hukum Tuhan yang sempurna itu.*



- *Semoga takut akan Tuhan yang benar dan sihat ada pada orang-orang Muslim (Amsal 1:7)*
- *Meminta Tuhan untuk menambahkan pengikut-pengikut Yesus yang setia di kalangan orang-orang Muslim di Gujarat agar mereka akan menjadi teladan kesalihan dan pembawa harapan di dalam keadaan-keadaan yang sukar.*



www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

